



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan

Tel : 09-741 8000
Faks : 09-748 2554
Laman Web : jpnkelantan.moe.gov.my

Rujukan Tuan :

Rujukan.Kami : JPNKN.600-3/5/2 Jld. 18(57)

Tarikh : 19 Jun 2025

Ts. Dr. Pua Chang Hong
AJK Pemandu KLESF
Universiti Tunku Abdul Rahman

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR 2025

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah menerima dan meneliti permohonan daripada pihak tuan. Pihak kami mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti sukan/kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan penglibatan sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Surat maklum balas ini perlu dibaca Bersama surat Pekeliling Iktisas KPM Bil.5/2016 dan Bil.5/2018 serta surat siaran bertarikh 29 April 2022 rujukan KPM. 100-1/7/1 Jld.2 (23). Berikut maklumat yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :

- 3.1 Aktiviti boleh dijalankan dengan penglibatan guru / murid secara bersemuka di Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah / Premis yang dipohon sahaja atau secara dalam talian.
- 3.2 Mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua / Guru Besar sekolah berkenaan.
- 3.3 Surat kebenaran ini tidak boleh digunapakai untuk tujuan mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana - mana pihak.
- 3.4 Penyertaan guru dan murid tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran / Program / Aktiviti di sekolah.
- 3.5 Kebenaran ini adalah untuk program/pertandingan secara bersemuka/dalam talian yang telah mendapat kebenaran Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia (Peringkat Kebangsaan) sahaja.
- 3.6 Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang unsur paksaan.
- 3.7 Segala perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur.
- 3.8 **Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD, sekolah, guru dan murid berkenaan.**

.../2

- 3.9 Murid-murid yang terlibat mestilah mendapat kebenaran bertulis dari ibu/bapa atau waris/penjaga.
 - 3.10 Bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program (Lampiran A)** yang telah dijalankan kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan tidak lebih 30 hari selepas tamat program.**
 - 3.11 Sila patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Garis panduan Pengoperasian Sekolah Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa bagi membendung penularan Virus Covid-19
 - 3.12 Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.
4. KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI) iaitu masa Pengajaran dan Pembelajaran(PdP) murid. Oleh itu, kami mencadangkan supaya aktiviti – aktiviti ini mesti diadakan di luar waktu PdP.
5. Kelulusan ini hanya untuk Menjalankan **Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair 2025** sahaja dan akan tamat pada **16 November 2025**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, tuan boleh berhubung dengan **Encik Mahyudin bin Mamat** di talian **019-6940094, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid.**

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amat dihargai.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZLAN BIN YAACOB)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

s.k.: Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan